

TARIKH: 9/3/2023
SURAT KHABAR: Harian Metro
MUKA SURAT: 24

24 www.hmetro.com.my [@hmetromy](https://twitter.com/hmetromy) [HarianMetro](https://facebook.com/HarianMetro) [@hmetromy](https://instagram.com/@hmetromy)
lokal

Oleh Hidayatidayu
Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sudah membantu seramai 82,822 orang berinsurans (OB) di seluruh negara yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan dan penyakit mental menerusi program 'Return to Work' (RTW).

Ketua Cawangan RTW Perkeso Rosmawati Mat berkata, statistik itu direkodkan menerusi program berkenaan sejak 2007 hingga kini.

Menurutnya, daripada jumlah itu, seramai 57,188 pula berjaya kembali bekerja dalam pelbagai bidang.


"Perkeso membantu mereka yang hilang upaya termasuk fizikal dan mental untuk dipulihkan menerusi pemulihan fizikal, latihan vokasional serta mencari pemptonan pekerjaan.

"Kita memberi latihan kepada mereka untuk kembali pulih dan setara dengan individu lain. Ini juga bagi membuang stigma masyarakat atau majikan kepada golongan orang kurang upaya (OKU).

"Selain itu, kita akan

82,822 dibantu sejak 2007

Program RTW anjuran Perkeso bantu orang berinsurans kembali ke alam pekerjaan



ROSMAWATI (tiga dari kanan) ketika sidang media selepas melawat pesakit yang dalam pemulihan bekerja di kafe Klinik Kesihatan Ketereh, Kota Bharu. - Gambar NSTP/ HIDAYATIDAYU RAZALI.

pantau sehingga mereka pulih dan dapat kembali bekerja sama ada kerja sendiri atau dengan majikan,"

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran Projek Caring Centre Pusat

Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari) di Klinik Kesihatan Ketereh di sini, semalam.

Rosmawati berkata, sebanyak 1,477 kes bermotivasi yang diuruskan oleh Pejabat Kes di Kelantan dan

seramai 984 orang kembali bekerja selepas mengikuti program rehabilitasi dan vokasional yang ditawarkan.

"Selain itu, Perkeso melaksanakan pelbagai aktiviti di bawah Projek Caring Centre di 14 hospital kerajaan di seluruh negara bagi memantapkan perkhidmatan rawatan pesakit psikiatri dan dana utama disumbangkan oleh Lembaga Tabung Haji yang berjumlah RM420,000.

"Program ini adalah satu latihan vokasional yang membabitkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membantu lebih ramai peserta RTW bersama orang awam untuk menjana pendapatan menerusi aktiviti keusahawanan.

"Program ini diharap dapat membantu meningkatkan bilangan pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental supaya dapat diambil bekerja semula," katanya.